

## Kamus dan Peranannya dalam Meningkatkan Minat Kanak-Kanak Mempelajari Bahasa

### Dictionaries and Its Role in Increasing Interest in Children Language Learning

NURUL AMINAH BASHARUDDIN & HASNAH MOHAMAD

#### ABSTRAK

*Kajian ini berfokus kepada peranan dan pencarian ciri kamus yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa khususnya dari aspek leksikal. Leksikal diertikan sebagai perkataan atau perbendaharaan kata sesuatu bahasa, dalam erti kata yang lebih mudah leksikal merupakan kata-kata isi (content word), ertiinya kata-kata yang mempunyai makna dan dapat berdiri dengan sendiri tanpa melihat penggunaannya dalam sesuatu ayat. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengesahkan peranan kamus dalam menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa dengan penerapan teori Behaviorisme Bertujuan. Objektif berikutnya pula adalah untuk mengenal pasti ciri kamus yang dapat membantu memperkembang kosa kata kanak-kanak. Penekanan pembelajaran bahasa hanya melibatkan penguasaan bahasa pada aspek leksikal sahaja, manakala ciri kamus pula dilihat pada lemma kamus. Penguraian data akan dilakukan secara kualitatif. Sampel kajian terdiri daripada 50 responden kanak-kanak berumur 6 tahun. Pengkaji menggunakan kaedah kajian lapangan dengan tinjauan, pemerhatian, rakaman dan soal selidik terhadap responden kajian. Soal selidik mencakupi soalan tentang pengetahuan berkaitan kamus serta maklumat berkaitan faktor persekitaran linguistik yang mempengaruhi penguasaan leksikal kanak-kanak. Responden juga diberi ujian kosa kata bagi mengenal pasti ciri kamus. Dapatkan kajian membuktikan bahawa kamus merupakan medium yang dapat menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa, manakala kamus yang mempunyai entri atau lemma yang sesuai didapati berupaya membantu kanak-kanak memperkembang kosa kata.*

*Kata kunci:* Leksikal; kanak-kanak; teori Behaviorisme Bertujuan; kamus

#### ABSTRACT

*This study focuses on the role and the search of dictionary's characteristic that can attract children learning language, especially in terms of lexical. Lexical is defined as words or vocabulary of a language which in much easier words lexical is content word, which means words that have meaning and can stand on its own without looking at its use in a sentence. The main objective of this study was to verify the role of the dictionary in order to attract children to learn the language by applying the theory of Aim Behaviorism. The next objective was to identify dictionary's characteristic that can help to expand children's vocabulary. Emphasis on language learning only involves the mastery of language on lexical aspect, whereas the dictionary's characteristic is seen in dictionary lemma. Description of data will be done qualitatively. The sample consisted of 50 respondents of 6 years old children. Researcher used field studies method by surveys, observation, recording and questionnaire towards research respondents. The questionnaire covers questions about knowledge of dictionary and information related to linguistic environmental factors that influence children's lexical mastery. Respondents were also given the vocabulary test to identify dictionary's character. The findings proved that dictionary is a medium that can attract children to learn the language, while the dictionary that has the appropriate entry is able to help children develop their vocabulary.*

*Keywords:* Lexical; child; Aim Behaviorism theory; dictionary

#### PENGENALAN

Bahasa merupakan antara medium yang cukup penting dalam menyampaikan perasaan, pandangan dan mesej dengan sempurna kepada orang lain. Peranan bahasa dapat dikembangkan lagi sewaktu manusia melakukan aktiviti sehari-hari seperti bercakap, mendengar, membaca dan menulis, yang dapat dilihat sebagai suatu bentuk kehidupan.

Manusia melihat dunia dan realitinya dalam bayangan bahasanya, bukan dalam bayangan fikirannya dan bukan juga dalam bayangan dirinya sehingga segala jenis gerak laku, segala pelahiran perasaan, emosi, rasa keindahan dan keharuan, yang mana setiap kegiatan bahasa tersebut terdapat bahasa yang terlaras. Malahan pengkaji sejarah dan bahasa berpendapat manusia melahirkan bahasa mereka melalui gambar yang dilakar di sepanjang

dinding gua pada zaman batu sebagai salah satu cara mereka dalam berkomunikasi bagi menyampaikan perasaan dan fikiran kepada manusia akan datang.

Kamus Webster *Third New International Dictionary* mendefinisikan bahasa sebagai *audible, articulate human speech as adjacent vocal organs*. Kamus Webster turut memberikan definisi bahasa yang kedua iaitu *any means, vocal or other, of expressing or communicating teaching or thought*. Terdapat perbezaan antara definisi bahasa pertama dan kedua yang diberikan oleh kamus Webster. Bagi definisi bahasa yang pertama mengehadkan bahasa kepada aktiviti yang berkaitan dengan manusia dan bunyi, manakala definisi bahasa yang kedua menerangkan tentang gerakan tangan dan juga gerakan keingin atau disebut juga sebagai *non verbal*. Bahasa bukan sahaja sebarang perkataan yang diujarkan tetapi juga merangkumi bahasa tubuh dan gerakan. Namun jeritan dan tangisan bayi, salakan anjing dan bunyi yang dikeluarkan secara tidak sengaja yang dapat menarik perhatian manusia seperti batuk dan berdeham tidak semestinya tergolong dalam kelompok bahasa (Mat Nor & Abdul Rashid 2010: 4).

Nor Hashimah et al. (2010: 69), menyatakan bagi menguasai bahasa sebagai medium penting dalam proses penyampaian ilmu, kurikulum yang dirangka perlu dipelajari dengan sebaiknya. Oleh yang demikian, bagi memastikan keberkesanannya program pengajaran sesuatu bahasa, ia perlu diiringi dengan sikap yang positif dan persepsi yang tinggi terhadap bahasa itu sendiri. Sikap terhadap sesuatu bahasa ditandai oleh tiga ciri utama, iaitu kesetiaan bahasa, kebanggaan atau gah bahasa dan kesedaran akan adanya norma bahasa. Sikap positif dan persepsi yang tinggi terhadap sesuatu bahasa juga merupakan faktor penting dalam pelestarian sesuatu bahasa. Justeru mereka berpendapat bahawa persepsi yang tinggi dan sikap yang positif terhadap bahasa iaitu bahasa Melayu perlu dipupuk supaya individu tetap yakin terhadap kemampuan bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu dan bahasa perpaduan di Malaysia. Oleh yang demikian, pendedahan yang berkesan terhadap bahasa harus dititikberatkan dari peringkat awal kanak-kanak lagi bagi memastikan kanak-kanak dapat menggunakan bahasa dengan sempurna dan berkesan dalam kehidupan sehari-hari mereka.

Sebenarnya, bahasa bagi kanak-kanak merupakan lebih daripada kata-kata yang diujarkan, dibaca dan didengar. Bahasa membolehkan seorang kanak-kanak mengabstrakkan kata, mengawal emosi dan bertindak secara normal. Bahasa merupakan

alat untuk mendapat dan memberi kasih sayang. Bahasa juga ialah tautan tali yang menghubungkan kanak-kanak dengan yang lain. Menurut Halliday (1978: 9):

“...dalam proses perkembangan kanak-kanak sebagai makhluk sosial, bahasa memainkan peranan utama. Bahasa merupakan saluran bagi pola kehidupan dipindahkan, yang membolehkan kanak-kanak belajar untuk bertindak sebagai anggota sebuah ‘masyarakat’, ragam fikiran dan perbuatan, kepercayaan dan nilai dalam dan melalui pelbagai kumpulan sosial dan juga menyesuaikan diri dengan ‘budaya’, ragam fikiran dan perbuatan, kepercayaan dan nilai semua ini berlaku melalui satu wadah iaitu bahasa”.

Selain itu, bahasa juga merupakan teras kepada perkembangan bahasa kanak-kanak. Melalui bahasa kanak-kanak dapat berkomunikasi dan memahami butiran kehidupan sehari-hari yang dilalui oleh mereka. Kanak-kanak meneroka peradaban manusia secara sendiri melalui bertutur, mendengar, membaca dan menulis yang merupakan kunci kepada ilmu pengetahuan. (Puteri Roslina, 2004:7). Terman dan Thorndike yang merupakan ahli pengkaji bahasa menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kanak-kanak yang melibatkan penguasaan kosa kata merupakan perkara yang sangat penting untuk dipelajari oleh seorang kanak-kanak secara berterusan dan berpanjangan. Penguasaan kosa kata adalah satu peringkat pembelajaran asas yang perlu dipelajari dari peringkat awal kanak-kanak. Selain itu, Seashore dalam kajianya turut menyatakan betapa pentingnya pemantapan dan penguasaan kosa kata oleh kanak-kanak di peringkat rendah bermula dari umur empat tahun hingga sepuluh tahun.

Penguasaan kosa kata dilihat mencakupi kebolehan menyatakan dan memerihalkan makna yang terkandung dalam sesuatu kata atau ungkapan yang melibatkan konteks, membuat perbandingan makna sesuatu kata, menggunakan ungkapan atau kata dengan betul, membina ayat dan akhirnya mengungkap sesuatu idea dalam lisan atau penulisan (Noraziah Ahmad Ghazali 2000: 11). Keterbatasan kanak-kanak menguasai kosa kata akan menyebabkan mereka lemah menguasai bahasa itu sendiri sehingga gagal untuk mencari kata yang tepat bagi menggambarkan sesuatu perkara, tiada keragaman dalam ungkapan, ungkapan yang terhasil akan bersifat stereotaip, gagal menggunakan kata dalam konteks yang sesuai dan akhirnya gagal menyampaikan idea dan mesej dengan berkesan. Bagi membolehkan kanak-kanak menguasai kosa kata yang secukupnya, kamus

dilihat sebagai jambatan yang mampu membina dan mengembangkan kosa kata mereka (Diab & Hamdan 1999).

Dalam mempelajari bahasa penggunaan kamus tidak terhad kepada pengguna bahasa kedua atau penutur asing sahaja tetapi merangkumi pengguna bahasa pertama. Dalam mempelajari bahasa Melayu misalnya penggunaan kamus telah dimulakan sejak awal bagi membolehkan kanak-kanak mengenali kamus dan seterusnya memperkenalkan perkataan baharu kepada kanak-kanak. Pada peringkat awal kamus yang digunakan ialah kamus bergambar. Berdasarkan kepada gambar yang disusun mengikut domain atau situasi, kanak-kanak diperkenalkan dengan sesuatu perkataan dan menerusi kamus kanak-kanak dapat melahirkan pendapat dengan cara bercerita (Lew Teck Onn 1994: 2). Kamus dilihat cukup berkesan dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak pada peringkat awal. Dalam kamus dimuatkan segala maklumat yang merangkumi kata nama yang mudah difahami bersesuaian dengan peringkat umur kanak-kanak bagi merangsang daya berfikir kanak-kanak dan seterusnya meluaskan kosa kata mereka.

### KAJIAN LEPAS

Dalam kajian ini, pengkaji telah menyorot beberapa kajian yang pernah dilakukan sebelum ini oleh beberapa orang sarjana. Beberapa tinjauan terhadap kajian lepas berkaitan dengan kamus memperlihatkan kamus bukan sahaja dianggap sebagai kitab yang mengandungi pelbagai kata dan makna di dalamnya tetapi juga merupakan gerbang untuk seseorang mengetahui segala maklumat secara sistematik, pantas dan tepat. Kajian J. Tomaszczyk (1987: 23) berkaitan dengan kamus dwibahasa kepada individu asing mendapati ada di antara masyarakat yang beranggapan kamus dwibahasa tidak berguna kepada pembelajaran bahasa asing. Namun menurut Tomaszczyk kamus sebenarnya berperanan sebagai alat bantu mengajar yang dapat mengisi kelompongan dalam mempelajari bahasa asing. Beliau memecahkan kebaikan kamus dwibahasa kepada empat pecahan yang meliputi aspek kosa kata khusus dalam bidang budaya, gangguan bahasa ibunda/bahasa asing, implikasi kontras antara bahasa dan keutamaan serta kelaziman penggunaan kamus kepada individu asing. Bagi Tomaszczyk kebanyakan kosa kata adalah khusus budaya iaitu mencerminkan cara hidup penuturnya yang khususnya dan unik. Kosa kata yang terdapat

di dalam kamus bersifat sejahtera, item yang lebih terikat kepada budaya dan sedikit benar yang bersifat universal. Melalui data yang diperoleh beliau mendapati bukan sahaja individu asing bergantung kepada kamus tetapi juga guru bahasa sekolah menengah dan universiti semakin banyak menggunakan kamus dwibahasa dalam pengajaran mereka. Kamus juga dilihat sebagai jambatan yang dapat memberikan jawapan muktamad kepada semua masalah pemilihan kosa kata yang tidak diketahui oleh seseorang di samping membolehkan pengguna mencari jawapan bagi menyampaikan idea tertentu dalam bahasa lain. Peranan kamus dilihat cukup besar dan penting bukan sahaja kepada penutur asing malah penutur asli bagi memudahkan komunikasi antara satu dengan lain dan mempelbagaikan perbendaharaan kata yang sudah diketahui. Namun, kajian lebih berfokus kepada hujah dan ulasan yang dikemukakan berdasarkan pendekatan konseptual atau teoretikal penyelidik dalam mengupas penggunaan kamus khususnya kepada penutur asing.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Ahmad Hasbullah et al. (2005), mendapati penggunaan kamus dalam proses pembelajaran bahasa Arab di kalangan individu Sekolah Menengah Tinggi Agama menyentuh berkaitan kepentingan kamus dirujuk oleh individu dalam proses pembelajaran bahasa Arab. Responden kajian adalah terdiri daripada individu tingkatan enam bawah dan enam atas di empat buah sekolah menengah agama kerajaan persekutuan dan negeri bagi meninjau dan memperoleh data melalui maklum balas berdasarkan soal selidik yang diberikan. Daripada kajian ini didapati antara faktor yang menyebabkan individu tidak menggunakan kamus kerana terdapatnya perbezaan cara mengguna dan mencari sesuatu perkataan bergantung kepada jenis kamus yang dirujuk. Keadaan ini menyebabkan individu sukar mengikuti dan memahami kaedah dan arahan yang dikemukakan oleh setiap kamus. Selain itu kelemahan individu dalam menguasai tulisan jawi menyebabkan mereka lebih tertarik menggunakan Kamus Arab-Melayu berbanding merujuk kepada Kamus Arab-Arab yang sedia ada. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan individu yang menggunakan Kamus Dwibahasa Arab-Melayu lebih banyak berbanding Kamus Arab-Arab. Kebanyakan individu hanya akan menggunakan Kamus Arab-Arab apabila diminta oleh guru sewaktu di sekolah sahaja. Individu seharusnya menggunakan peluang menggunakan Kamus Arab-Arab sebagai jalan untuk mengukuhkan lagi kemampuan mereka dalam

bahasa Arab bersendirian tanpa perlu disuruh oleh guru dan menjadikan Kamus Arab-Arab sebagai rujukan utama dalam pembelajaran bahasa. Oleh demikian, pujian harus diberikan kepada penyusun Kamus Arab dengan pelbagai bentuk dan susunan yang menarik hari ini yang sedikit sebanyak dapat membantu para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa al-Quran ini.

Berikutnya ialah kajian berkaitan korpus bahasa kanak-kanak oleh Wild et al. (2012) bertajuk *The Oxford Children's Corpus: Using a Children's Corpus in Lexicography*. Kajian ini membuktikan bahawa terdapat perbezaan kata kunci dan kata lakaran (sketch word) antara *Oxford Children's Corpus* dengan *Oxford English Corpus*. Hal ini seterusnya membuktikan bahawa penulisan untuk kanak-kanak berbeza berbanding penulisan untuk orang dewasa. Kajian ini berikutnya mencadangkan bahawa untuk menghasilkan kamus yang berkesan dalam pembelajaran bahasa kanak-kanak, ahli leksikografi perlu menggunakan korpus bahasa kanak-kanak bagi menyelesaikan beberapa perkara berhubung dengan penyusunan kamus kanak-kanak seperti yang berikut;

1. Memperhalus senarai kata utama (headwords) untuk kamus kanak-kanak
2. Mengenal pasti kolokasi kata dan frasa yang lazim bagi kanak-kanak
3. Memperoleh contoh-contoh lazim bagi kanak-kanak
4. Mengenal pasti jika ada perubahan bahasa (dari perspektif kanak-kanak)

Kajian oleh Wild et al. (2012) ini amat berkait rapat dengan kajian pengkaji dalam hal mengaitkan keperluan terhadap pemilihan entri kamus kanak-kanak berdasarkan korpus bahasa kanak-kanak.

Berdasarkan sorotan kajian yang telah dibincangkan di atas, kebanyakan kajian yang dilakukan baik yang di dalam mahu pun di luar negara, mempunyai perkaitan antara satu sama lain dalam bidang yang dikaji, iaitu leksikografi. Namun, kajian secara rinci dan mendalam mengenai kepentingan kamus dan ciri kamus bagi mengembangkan leksikal kanak-kanak dengan menggunakan teori Behaviorisme Bertujuan belum lagi dilakukan.

#### METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kajian lapangan melalui instrumen soal selidik, temu bual dan pemerhatian. Responden kajian terdiri daripada

50 orang kanak-kanak lelaki dan perempuan yang berumur 6 tahun, terdiri daripada pelbagai latar belakang sosial. Soal selidik mencakupi dua bahagian, iaitu bahagian pertama bagi mendapatkan maklumat tentang minat dan pendedahan melalui penggunaan kamus dalam pembelajaran bahasa yang melibatkan bidang leksikal. Seterusnya bahagian kedua ialah ujian permainan bahasa berbentuk soalan bergambar sebagai rangsangan bagi mendapatkan kembangan leksikal kanak-kanak. Soalan bergambar berbentuk bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ini dibina berdasarkan Kamus Bergambar Prasekolah.

#### ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bagi mencapai objektif kajian pertama, iaitu untuk mengesahkan peranan kamus dalam meningkatkan minat kanak-kanak mempelajari bahasa, soal selidik telah diedarkan kepada 50 orang kanak-kanak yang berumur 6 tahun. Soal selidik tersebut dirangka dengan bahasa yang mudah difahami dan selaras dengan keupayaan pemahaman kanak-kanak. Pengkaji melakukan kajian ke atas 25 orang kanak-kanak yang sudah diberikan pendedahan sejak awal mengenai kamus (melibatkan penggunaan Kamus Besar Bergambar dan Kamus Bergambar Prasekolah) dan 25 kanak-kanak yang tidak diberikan pendedahan kepada penggunaan kamus sama ada di sekolah mahu pun di rumah. Pemilihan sampel yang berlainan adalah untuk melihat sama ada kamus mampu menarik minat kanak-kanak dalam mempelajari bahasa seterusnya mempelbagaikan leksikal sedia ada mereka. Komponen soalan 1-10 dalam Jadual 1 melibatkan komponen yang mempengaruhi minat kanak-kanak terhadap penggunaan kamus.


JADUAL 1. Kekerapan komponen soalan yang dapat menunjukkan minat individu terhadap penggunaan kamus

| Komponen soalan          | Kekerapan |       | Jumlah |
|--------------------------|-----------|-------|--------|
|                          | Ya        | Tidak |        |
| Tahu tentang kamus       | 29        | 21    | 50     |
| Ada kamus                | 3         | 47    | 50     |
| Pernah guna kamus        | 30        | 20    | 50     |
| Guna kamus di sekolah    | 25        | 25    | 50     |
| Guru guna kamus          | 28        | 22    | 50     |
| Guru wajibkan beli kamus | 2         | 48    | 50     |
| Suka guna kamus          | 48        | 2     | 50     |
| Mudah difahami           | 42        | 8     | 50     |
| Menarik/seronok          | 44        | 6     | 50     |
| Menarik minat membaca    | 43        | 7     | 50     |

Berdasarkan dapatan kajian yang diperoleh 29 kanak-kanak (58%) tahu berkaitan dengan kamus. Seramai 4 kanak-kanak (8%) dari kumpulan yang tidak didedahkan kepada penggunaan kamus mengetahui berkaitan dengan kamus dari kakak dan abang. Keadaan ini dilihat cukup baik kerana pendedahan awal yang diberikan mampu menarik minat mereka untuk menyukai kamus dan seterusnya menggalakkan sikap membaca dalam kalangan kanak-kanak. Bersesuaian dengan pepatah Melayu ada menyebut '*melentur buluh biarlah dari rebungnya*' maka inisiatif awal perlu dilakukan bagi membolehkan kanak-kanak biasa dengan penggunaan kamus dan seterusnya mencintai kamus sebagai salah satu bahan bacaan yang cukup bermanfaat. Melalui dapatan kajian yang diperoleh seramai tiga kanak-kanak (6%) mengetahui berkaitan dengan kamus lebih awal sewaktu di rumah melalui kaum keluarga, manakala selebihnya hanya mengetahui mengenai kamus sewaktu di sekolah apabila pertama kali diperkenalkan oleh guru. Sebenarnya, pendedahan kepada penggunaan kamus dari awal dapat membantu dalam proses pembinaan dan pengembangan kosa kata kanak-kanak seterusnya meningkatkan kemahiran berbahasa mereka. Summers (1988: 112) menegaskan bahawa kamus merupakan alat analisis yang cukup berkesan bukan sahaja untuk mencari makna kata, menyemak ejaan, malah mencakup pemahaman tentang aspek nahu sesuatu item. Pendedahan awal kepada penggunaan kamus dapat mengatasi kekurangan dalam kaedah dan latihan kontekstual. Tambah beliau lagi, kepentingan dan perlunya kamus dalam penguasaan kosa kata semakin terserlah apabila penyusun kamus mutakhir sudah mula mengambil prinsip 'boleh dipelajari' dan berpusat kepada pengguna dalam penyusunan kamus. *Macquarie Learner's Dictionary* (1998) misalnya, menggunakan pendekatan pengembangan kosa kata secara induktif agar kamus menjadi alat pembelajaran yang bukan hanya sekadar rujukan semata-mata dengan memasukkan maklumat sosiobudaya dalam data masukkannya. Oleh yang demikian dapat dilihat kamus bukan sahaja mampu menjadi medium utama dalam memperoleh kosa kata tetapi juga mampu mewujudkan komunikasi yang bermakna dan dapat difahami oleh pembacanya.


Selain itu, ibu bapa merupakan individu yang cukup dekat dengan kanak-kanak dalam memperkenalkan kamus sebagai bahan bacaan utama sewaktu di rumah. Oleh yang demikian, ibu bapa seharusnya menerangkan kepada anak-anak berkaitan dengan kepentingan penggunaan

kamus sejak dari awal bagi memudahkan mereka menggunakan kamus apabila diperlukan suatu hari nanti. Menurut Atkin dan Varantola (dalam Diab & Hamdan 1999: 285), kemahiran menggunakan kamus perlu diajar sejak awal secara tuntas dan berkesan sekiranya pengguna kamus ingin mendapatkan maklumat yang terkandung di dalam kamus yang dibaca. Namun, melalui kajian yang dilakukan, agak mengecewakan apabila hanya dua kanak-kanak (4%) yang mempunyai kamus bergambar di rumah dan kebanyakannya ibu bapa tidak sedar akan kepentingan kamus sebagai bahan bacaan yang bermanfaat kepada anak-anak mereka. Malah ibu bapa menyatakan kamus bukan antara bahan bacaan yang menjadi pilihan mereka untuk diberikan kepada anak-anak. Seharusnya ibu bapa perlu menyedari akan kepentingan kamus ini. Hal ini sejajar dengan teori Behaviorisme Bertujuan yang menyatakan rangsangan dan galakan yang diberikan kepada individu iaitu kanak-kanak, yang melibatkan ibu bapa sebagai insan yang dekat dengan kanak-kanak menjadikan kanak-kanak bersemangat dan lebih bersedia menerima unsur bahasa yang baharu apabila mereka meningkat ke alam persekolahan. Menurut Gleitmann sikap, kepercayaan, tanggapan, penilaian dan sifat semula jadi yang menjadikan seseorang bertindak dengan cara tertentu dalam menentukan hala tuju kehidupan mereka. Sekiranya masyarakat sekeliling memberikan rangsangan dan dorongan yang positif tidak mustahil generasi yang dilahirkan juga bersifat maju dan berjaya. Selain itu, penyelidik mendapati kanak-kanak daripada latar belakang ibu atau bapa golongan profesional mempunyai sikap yang lebih positif dalam mengutarakan jawapan sewaktu disoal. Kanak-kanak ini dilihat lebih aktif menjawab soalan dan tidak malu untuk bercakap walaupun ada ketikanya mengulangi jawapan daripada kanak-kanak yang lain. Kanak-kanak daripada golongan ini juga sudah didedahkan kepada penggunaan kamus lebih awal di rumah dan mahir menggunakan kamus. Faktor inilah yang menyebabkan mereka merasa selesa untuk menggunakan kamus sewaktu di sekolah, seterusnya mampu menarik minat mereka untuk mempelajari bahasa (Rajah 1).



RAJAH 1. Komponen yang dapat menunjukkan minat individu terhadap penggunaan kamus

Zaitul Azma (2004) menyatakan setiap perbendaharaan kata yang diperoleh oleh kanak-kanak merupakan sumber makna yang penting buat mereka. Semakin tinggi keupayaan kanak-kanak dalam membina ayat-ayat kompleks maka semakin tinggi potensi mereka dalam berkomunikasi. Tegas beliau lagi, kanak-kanak menggunakan bahasa dalam menggambarkan dunia realiti yang dirasai oleh mereka. Kanak-kanak yang mempunyai pengetahuan kognitif sedia ada berkaitan dengan sesuatu perkara yang dialami akan mampu memberikan jawapan berdasarkan pengalaman mereka dan seterusnya merangsang kognitif mereka. Hal ini membuktikan ketepatan teori Behaviorisme Bertujuan yang mengaitkan rangsangan yang diberikan kepada kanak-kanak akan menghasilkan tidak balas dalam mengukuhkan kognitif mereka bagi menghasilkan tingkah laku yang bersesuaian dengan sesuatu situasi yang dialami (Rajah 2). Oleh yang demikian, pendedahan kanak-kanak terhadap kamus dan cara komunikasi yang berkesan dengan masyarakat sekeliling memudahkan kanak-kanak menerima perkara baharu yang diajarkan kepada mereka dalam memperkuuhkan perbendaharaan kata mereka yang sedia ada.



RAJAH 2. Unsur yang mempengaruhi teori Behaviorisme Bertujuan

Penyelidik telah melakukan temu bual dengan guru untuk mengetahui tahap minat kanak-kanak apabila aktiviti penggunaan kamus dilakukan. Temu bual yang dilakukan dengan guru menyatakan kanak-kanak yang gemar membaca kamus pada masa lapang tergolong dalam golongan individu yang lancar membaca dan menulis di sekolah. Hal ini dibuktikan apabila kanak-kanak yang dirangsang dengan kamus lebih bersedia untuk memberikan pendapat dan pandangan apabila ditanyakan soalan berbanding kanak-kanak yang tidak dide dahkan kepada penggunaan kamus. Kesediaan mereka ini adalah hasil daripada pembacaan yang telah mereka lakukan terlebih dahulu berbanding dengan kanak-kanak yang tidak dide dahkan kepada kamus. Berdasarkan kepada teori Behaviorisme Bertujuan individu (dalam kajian ini ialah kanak-kanak), telah menyimpan maklumat yang dibaca di dalam kognitif mereka dan meluahkannya apabila berjumpa perkara yang serupa. Kedua-dua ini membuktikan pengalaman yang diperoleh melalui rangsangan pembacaan kamus dan pengetahuan yang diperoleh melalui pengetahuan persekitaran mampu mempelbagaikan leksikal kanak-kanak seterusnya memperkuuhkan kognitif sedia ada mereka. Kajian Nunan (1991: 134) telah menunjukkan bahawa apabila sesuatu item leksikal yang dipelajari ingin menjadi ingatan masa panjang, maka individu perlu terlibat secara aktif dalam aktiviti tersebut. Mereka perlu mencari sendiri item leksikal, makna, ejaan, sebutan dan sebarang perkaitan dengan leksikal yang dicari. Dengan itu individu yang menggunakan kamus serta menerapkan pengetahuan tentang sesuatu leksikal itu akan lebih mengingati leksikal berkenaan dengan lebih lama dan mampu menguasainya dengan lebih baik berbanding individu yang hanya mendengar tanpa melihat dan menggunakan kamus.

Menurut guru yang ditemu bual, bertitik tolak dari keupayaan dan minat kanak-kanak terhadap kamus, guru mengambil inisiatif dengan menambah bilangan kamus sedia ada dari dua buah kamus kepada empat buah kamus untuk diletakkan di dalam kelas bagi memberi peluang kepada semua kanak-kanak untuk menggunakan kamus sebagai bahan bacaan di masa lapang dan seterusnya mampu mempelbagaikan leksikal mereka. Hal ini menjawab kepada nilaian peratusan yang rendah mengapa guru tidak mewajibkan atau meminta kanak-kanak untuk membeli kamus dan jumlahnya cukup kecil hanya 2 (4%) memberikan jawapan ya dan 48 (96%) memberikan jawapan tidak. Malahan guru sendiri membenarkan kanak-kanak untuk meminjam kamus dan memulangkan kembali keesokan harinya.

Inisiatif ini memperlihatkan kesungguhan guru dalam memperkenalkan kamus sebagai bahan bacaan yang cukup bermanfaat. Selain itu, sesi pembelajaran menggunakan kamus akan dilakukan dua hari dalam waktu persekolahan dan kanak-kanak amat menggemari aktiviti belajar menggunakan kamus. Melalui perantaraan kamus guru dapat berinteraksi dalam menyampaikan ilmu secara berkesan. Interaksi antara guru dan kanak-kanak secara aktif amat digalakkan bagi menjadikan sesi pembelajaran lebih kondusif dan menyeronokkan. Sewaktu aktiviti ini dijalankan suasana pembelajaran menjadi lebih menarik dan kanak-kanak dapat melibatkan diri secara sihat dan harmoni.

Selain itu, kanak-kanak gemar kepada sesuatu yang ceria dan berwarna-warni. Penyelidik dapat melihat keterujaan di wajah kanak-kanak apabila guru memaparkan gambar yang tersedia di dalam kamus yang berwarna-warna dan pelbagai bentuk. Domain haiwan merupakan domain yang paling disukai oleh kanak-kanak. Kebanyakan mereka mampu mengenal haiwan yang dipaparkan dengan baik sehingga mampu menghasilkan bunyi haiwan yang diminta oleh guru. Rata-rata individu menggemari aktiviti pembelajaran menggunakan kamus dan mereka lebih banyak menumpukan perhatian dengan melihat kepada pelbagai gambar dan leksikal baharu yang belum mereka ketahui. Menurut Zaitul Azma & Normaliza (2007: 96) penggunaan gambar merupakan alat bantu mengajar yang mampu menarik minat individu selain memberikan pengetahuan baharu yang merangkumi aspek bahasa kepada individu. Sejajar dengan itu, penggunaan kamus yang mengandungi pelbagai gambar mengikut domain yang ditetapkan mampu menimbulkan minat yang dapat merangsang kanak-kanak mendalamai aspek-aspek bahasa sebagai satu aktiviti pembelajaran bahasa yang menyeronokkan. Pemerhatian dalam kelas juga mendapati bahawa kamus merupakan medium perantara yang cukup menarik dan menyeronokkan bagi kanak-kanak untuk mempelajari bahasa. Ekspresi keceriaan melalui senyuman yang dipamerkan memperlihatkan keterujaan kanak-kanak apabila sesi pembelajaran kamus dimulakan. Menurut Jas Laile (2002) perkembangan emosi melibatkan asas fizikal dan kognitif adalah perlu bagi melahirkan sesuatu yang dirasai oleh kanak-kanak. Proses perkembangan emosi melibatkan tiga dimensi yang saling berkaitan dengan pengalaman, proses pemikiran serta reaksi yang terhasil daripada rangsangan yang diberikan. Kanak-kanak akan memberikan reaksi bergantung kepada situasi yang dialami oleh mereka secara

telus. Kanak-kanak melahirkan emosi minat apabila didedahkan dengan rangsangan perubahan atau sesuatu yang baharu. Emosi minat dapat dilihat melalui tindak balas seperti melihat ke arah benda dengan khusuk, meneroka dengan deria dan membesarakan bebola mata. Emosi-emosi yang ditunjukkan kanak-kanak merupakan tindak balas terhadap situasi yang berlaku kepada diri mereka (Izard 1977). Oleh yang demikian dapat dibuktikan aktiviti pembelajaran menggunakan kamus mampu mewujudkan suasana ‘sosioemosi’ yang sihat dan menyeronokkan kepada kanak-kanak, seterusnya mampu memberi kesan positif ke arah memperkaya leksikal peribadi mereka.

Melalui data yang diperoleh 44 (88%) kanak-kanak menyatakan kamus menarik dan seronok digunakan dan hanya 6 (12%) menyatakan sebaliknya. Hal ini memperlihatkan kanak-kanak gemarkan aktiviti pembelajaran yang lebih pelbagai dan tidak membosankan, oleh sebab itu mereka berasa seronok dan berminat apabila guru mengajar dengan menggunakan kamus. Proses interaksi yang berlaku antara guru dan kanak-kanak membolehkan guru memotivasi kanak-kanak supaya menimbulkan minat dan perhatian mereka terhadap penggunaan kamus. Aktiviti soal jawab yang bersifat dua hala ini mampu menggerakkan daya berfikir kanak-kanak secara lebih optimum. Interaksi yang berkesan sewaktu aktiviti menggunakan kamus dijalankan bukan sahaja mampu mengeratkan hubungan antara guru dan kanak-kanak seterusnya memperkayakan leksikal sedia ada kanak-kanak. Selain itu peranan kamus sebagai perantara yang mampu menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa dibuktikan apabila keseluruhan (100%) kanak-kanak suka apabila guru menggunakan kamus sewaktu pembelajaran bahasa dilakukan. Hal ini membuktikan bahawa aktiviti menggunakan kamus mampu menarik perhatian dan menimbulkan minat mereka untuk belajar. Kamus dilihat sebagai wadah yang menghubungkan antara guru dan kanak-kanak tanpa rasa segan untuk bertanya dan memberikan pendapat dan seterusnya berinteraksi antara satu sama lain secara lebih aktif.

Selain itu, kesesuaian kamus sebagai sebuah buku bergambar yang mampu meningkatkan minat kanak-kanak untuk membaca diperakui oleh guru sendiri. Hal ini berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan terhadap kanak-kanak yang tidak mahir membaca akan lebih menggemari apabila diberikan kamus berbanding buku bacaan yang lain. Hal ini disebabkan leksikal yang terdapat di dalam kamus lebih ringkas dan mengandungi

gambar yang menarik untuk diperhatikan. Ada antara kanak-kanak gemar melihat gambar yang tersedia walaupun belum mahir membaca. Mereka akan cuba mengeja leksikal yang ada untuk mengetahui perkaitan dengan gambar yang disediakan. Sebanyak 44 (86%) kanak-kanak mengakui bahawa kamus mampu menarik minat mereka untuk membaca dan selebihnya 6 (14%) yang menyatakan tidak merupakan kanak-kanak yang tidak mahir membaca secara lancar. Minat membaca ini akan diseimbangkan dengan keadaan alam sekeliling yang menggalakkan mereka untuk membaca dengan lebih baik. Kanak-kanak gemar meniru perbuatan orang-orang yang berada di sekeliling mereka. Jika kanak-kanak melihat individu sekeliling gemar membaca maka kanak-kanak juga akan gemar untuk membaca kerana dipengaruhi oleh faktor persekitaran.


“...kanak-kanak tengok kawan lain membaca kamus tiru perbuatan kawan....ambil kamus tengok-tengok gambar...”

(Sumber: wawancara guru)

Melalui pembacaan kanak-kanak akan ‘menghubungjalinkan’ bahan yang dibaca dengan imaginasi yang terdapat dalam kognitif mereka dan seterusnya mengaplikasikan keadaan tersebut dengan dunia realiti yang akan mereka tempuh. Oleh sebab itu, keadaan di dalam bilik darjah, yang merupakan tempat kanak-kanak banyak menghabiskan masa perlulah disediakan supaya lebih menarik dengan buku-buku yang bersesuaian seperti kamus dan bahan bacaan yang lain.

Namun demikian, berbeza pula halnya dengan kanak-kanak yang tidak diberikan pendedahan awal kepada kamus. Dapatkan kajian soal selidik mendapati dengan jelas tiada penekanan yang serius diberikan oleh guru tentang perlunya merujuk kepada kamus kerana 100% kanak-kanak memberikan jawapan tidak apabila ditanya sama ada guru ada meminta atau mewajibkan kanak-kanak untuk menggunakan kamus. Selain itu, tiada penekanan yang serius ini berpunca dari sikap guru yang beranggapan pendedahan dan aktiviti menggunakan kamus dalam pengajaran dan pembelajaran adalah tidak penting dan mengambil masa yang lama. Berbeza dengan kanak-kanak yang didekahkan kepada penggunaan kamus, kanak-kanak yang tidak didekahkan kepada penggunaan kamus ini dilihat agak takut-takut untuk menjawab soalan kerana khuatir jawapan yang diberikan salah atau pun tidak memahami soalan yang diujarkan. Keadaan ini disebabkan keterbatasan leksikal yang


terdapat dalam kognitif mereka. Ini sejajar dengan teori Behaviorisme Bertujuan yang menyatakan tingkah laku dan pemikiran manusia dipengaruhi oleh rangsangan persekitaran seseorang yang membolehkannya untuk bergerak balas dengan kognitif dan pengetahuan sedia ada. Contoh soal selidik yang dilakukan:



|                     |  |
|---------------------|--|
| Penyelidik          | : Ini gambar apa?                                      |
| Kanak-kanak (semua) | : Matahari   |
| Penyelidik          | : Matahari dalam bahasa Inggeris apa?                  |
| Kanak-kanak         | : ...melihat antara satu sama lain. Diam               |
| Penyelidik          | : Ada sesiapa tahu matahari dalam bahasa Inggeris apa? |
| Kanak-kanak         | : Geleng kepala. Diam                                  |
| Penyelidik          | : Matahari warna apa?                                  |
| Kanak-kanak 1       | : warna oren merah-merah                               |
| Kanak-kanak 2       | : Tak la matahari warna kuninglah                      |
| Penyelidik          | : Apa yang kita boleh nampak pada matahari?            |
| Kanak-kanak 3       | : (Diam)...matahari... (Diam)...Panas                  |
| Penyelidik          | : Lagi apa yang kita nampak pada matahari?             |
| Kanak-kanak 1       | : siang  |


Kanak-kanak yang tidak diberikan pendedahan dan rangsangan kepada kamus tidak dapat memberikan leksikal yang sepadan untuk leksikal matahari dalam bahasa Inggeris. Tidak seperti kanak-kanak yang diberikan pendedahan kepada kamus yang mampu untuk memberikan padanan leksikal matahari dalam bahasa Inggeris. Hal ini memperlihatkan kurang dan terbatasnya leksikal yang terdapat dalam kognitif mereka. Apa yang dibimbingkan sekiranya keterbatasan leksikal ini berterusan, akan menyebabkan kanak-kanak tidak yakin untuk menghasilkan ayat-ayat yang lebih kreatif dan menarik untuk digunakan dalam menyampaikan sesuatu pendapat dan pandangan dengan lebih baik apabila melangkah ke alam persekolahan yang sebenar. Oleh yang demikian, inisiatif yang berkesan

perlu dilakukan bagi memperkenalkan kamus sebagai bahan yang signifikan dalam aspek pemahaman dan penaakulan merangkumi pencarian makna yang tepat bersesuaian dengan konteks, ejaan yang betul serta mampu untuk mengembangkan kosa kata mereka.



Selain itu terdapat perbezaan yang dapat diperhatikan antara kanak-kanak yang didedahkan kepada penggunaan kamus dan tidak diberikan pendedahan kepada kamus. Berdasarkan soal selidik yang diberikan, domain haiwan merupakan domain yang paling disukai oleh kanak-kanak. Kanak-kanak menyenaraikan lebih dari lima leksikal apabila berkaitan dengan domain haiwan berbanding domain-domain yang lain. Leksikal *cat* dilihat dekat di jiwa kanak-kanak sehingga mereka mampu menghuraikan perkaitan leksikal ini dengan cukup banyak melebihi lima leksikal. Seramai 35 orang (70%) memberikan makna *cat* ialah kucing, comel 25 orang (50%), oren 20 orang (40%), misai 15 orang (30%), bulu 12 orang (24%), ekor 3 orang (6%), dan baik seorang kanak-kanak (2%). Namun berdasarkan soal selidik kanak-kanak yang diberikan pendedahan kepada kamus dapat menghasilkan leksikal yang lebih banyak merangkumi ciri fizikal dan warna binatang tersebut berbanding kanak-kanak yang tidak diberikan pendedahan terhadap kamus. Hal ini bertepatan dengan teori Behaviorisme Bertujuan yang menjelaskan perilaku manusia dalam konteks interaksi timbal balik yang berkesinambungan antara rangsangan, perilaku dan pengaruh lingkungan persekitaran yang akan menghasilkan gerak balas kepada perkara yang dialami oleh seseorang individu. Keadaan ini dibuktikan melalui jawapan yang diberikan oleh kanak-kanak. Bagi kanak-kanak yang diberikan rangsangan kamus, jawapan yang diberikan dipengaruhi oleh gambar kucing

yang dilihat di dalam kamus. Kebanyakan kanak-kanak memberikan warna oren bagi leksikal kucing dan bukan warna-warna lain seperti hitam. Malahan kanak-kanak menyatakan mereka tidak menyukai kucing berwarna hitam kerana dianggap garang dan menakutkan. Selain itu, kanak-kanak menyatakan mereka gemarkan warna oren yang terang dan kebanyakan kucing oren comel seperti warna keemasan berbanding kucing berwarna lain. Berdasarkan kepada teori Behaviorisme Bertujuan kanak-kanak akan merakam sesuatu yang pernah dilihat dalam kognitif mereka melalui rangsangan yang diterima dan memprosesnya melalui gerak balas untuk diluahkan melalui pengalaman dan persekitaran apabila berjumpa dengan perkara yang sama dialami oleh mereka sebelum itu. Keadaan ini memperlihatkan kamus bukan sahaja mampu mengembangkan kosa kata kanak-kanak malah membolehkan kanak-kanak memahami dan menyimpan kata dalam daya ingatan jangka panjang mereka. Dapat dilihat dengan jelas terdapat perbezaan leksikal yang disenaraikan oleh kanak-kanak yang diberikan pendedahan kepada kamus dalam pembelajaran bahasa dan yang tidak diberikan pendedahan kepada kamus. Secara keseluruhannya melalui pemerhatian dan data yang diperoleh membuktikan peranan kamus dapat membantu dan menarik minat kanak-kanak untuk mempelajari bahasa seterusnya melahirkan kanak-kanak yang kaya dengan pelbagai leksikal sedia ada untuk menempuh alam persekolahan yang lebih mencabar suatu hari nanti.



Melalui dapatan kajian diperhatikan leksikal yang paling sedikit dihuraikan oleh kanak-kanak ialah leksikal berkaitan dengan timun. Kanak-kanak

hanya menyenaraikan dua kembangan leksikal ini, iaitu hijau dan tak sedap. Hal ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak mempunyai pengetahuan yang cukup berkaitan dengan leksikal timun, kerana kekurangan pengalaman memakan sayur berkenaan. Justeru mereka hanya meluahkan persepsi mereka tentang timun, iaitu mempunyai rasa yang tidak sedap dan berwarna hijau. Hal ini juga memperlihatkan bahawa leksikal timun bukan merupakan leksikal yang diminati dan digemari oleh kanak-kanak sehingga kanak-kanak hanya berupaya menerbitkan dua leksikal sahaja daripadanya. Ini menunjukkan bahawa leksikal yang berada dalam kognitif kanak-kanak dan lebih menarik minat mereka dapat membantu dalam mengembangkan kosa kata sedia ada, sehingga mereka berupaya mengekspresikannya melalui pelbagai kosa kata lain contohnya melalui entri kucing di atas. Justeru, penggunaan kamus yang mempunyai entri yang menarik minat kanak-kanak dalam aktiviti pembelajaran dilihat sebagai salah satu medium yang dapat meningkatkan penguasaan kosa kata kanak-kanak yang terhad. Menurut Yusof bin Mat (1995:12) penggunaan kamus secara berkesan kepada pelajar merupakan aspek yang penting dalam proses membina dan mengembangkan kosa kata mereka. Sehubungan dengan itu, kajian yang konkret perlu dilakukan untuk membuktikan penggunaan kamus mampu bertindak sebagai wahana yang dapat membantu dalam proses pembinaan dan pengembangan kosa kata seseorang. Tanpa kajian yang khusus kedudukan kamus dalam pembelajaran akan terpinggir dan maklumat yang berguna tidak dapat dimanfaatkan sebaik mungkin. Kenyataan ini dapat dibuktikan dengan teori Behaviorisme Bertujuan yang menjelaskan perkaitan antara rangsangan yang diberikan kepada individu dan disokong oleh faktor persekitaran dan pengalaman individu yang dapat membantu dalam mengembangkan kognitif mereka dalam menerima leksikal baharu dan seterusnya mempelbagaikan leksikal sedia ada.

## KESIMPULAN

Kajian menunjukkan bahawa penggunaan kamus yang mempunyai entri yang sesuai dengan dunia kanak-kanak secara berkesan mampu meningkatkan kecekapan individu meneroka dan mendapatkan maklumat dengan lebih mudah dan jelas. Pendedahan kepada penggunaan kamus yang berkesan dari awal mampu membantu kanak-kanak dalam

mengembangkan kosa kata mereka. Hal ini sejajar dengan pandangan Atkin dan Varantola (dalam Nunan 1991:285) yang menyatakan penggunaan kamus secara berkesan perlu diajar dengan tepat dan tuntas sekiranya pengguna ingin mendapatkan segala maklumat yang dimasukkan oleh penyusun kamus di dalam kamus. Malahan dapatan kajian sendiri membuktikan kanak-kanak yang diberikan pendedahan kepada penggunaan kamus mempunyai tahap penguasaan leksikal yang tinggi, mampu memberikan makna yang tepat kepada leksikal yang disoal dan lebih yakin untuk membina ayat.

Selain itu, kecekapan kanak-kanak menggunakan kamus secara berkesan ditambah pula dengan kekerapan merujuk leksikal entri di dalam kamus, menjadikan kanak-kanak lebih yakin dengan penguasaan leksikal mereka. Aktiviti menggunakan kamus dilihat bukan sahaja dapat mengembangkan dan menggalakkan kreativiti kanak-kanak malah dapat menjadikan suasana pembelajaran lebih ceria dan menyeronokkan. Secara kesimpulannya, penggunaan kamus dengan entri yang sesuai kepada kanak-kanak bukan sahaja mampu merangsang kanak-kanak untuk meluaskan leksikal mereka malah menjadikan mereka lebih bersedia dalam melangkah ke alam persekolahan yang lebih mencabar.

## RUJUKAN

- Ahmad Hasbullah, Abd Rauf & Che' Radiah. 2005. Penggunaan Kamus dalam Proses Pembelajaran Bahasa Arab di Kalangan individu Sekolah Menengah Tinggi Agama.
- Carter, R. & McCarthy, M. 1988. *Vocabulary and Language Teaching*. London: Longman.
- Diab, T. A. & Jihad M. Hamdan. 1999. Interacting with worlds and dictionaries: The case of Jordanian EFL students. *International Journal of Lexicography* 12.
- Halliday, M.A.K. 1978. *Language as a Social Semiotic*. London: Edward Arnold Publication.
- Izard C.E. 1977. *Human Emotions*. New York. Plenum Press.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Kanak-kanak dan Dewasa*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lew Teck Onn. 1994. Perkembangan dan pemasalahan perkamusan Melayu untuk KBSR dan KBSM. Seminar Perkamusan Melayu. Dewan Bahasa dan Pustaka dan Persatuan Linguistik Melayu. 20-21 Disember.
- Mat Nor Hussin dan Abdul Rashid Daing Melebek. 2010. Pemerolehan dan pembelajaran bahasa. Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia.
- Noraziah Ahmad Ghazali. 2000. Kecekapan Pengguna Kamus Ekabahasa Dalam Meningkatkan Pengembangan Kosa Kata. Tesis Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad. 2010. Sosioskognitif pelajar remaja terhadap Bahasa Melayu. *GEMA Journal of Language Studies* 10(3).

- Nunan, D. 1991. *Language Teaching Methodology*. Hertfordshire: Phoenix ELT.
- Puteri Roslina Abdul Wahid. 2004. *Bahasa Antara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Summers, D. 1998. The role of dictionaries in language teaching. Dlm. *Vocabulary and Language Teaching*, disunting oleh Carter, R. & McCarthy, M. London: Longman.
- Tomaszczyk, J. & Lewandowska, B., sunt. 1990. *Meaning and Lexicography* Philadelpia: J. Benjamin Publication.co
- Wild, K., Kilgarriff, A. & Tugwell, D. 2012. The Oxford Children's Corpus: Using a children's corpus in lexicography. *International Journal of Lexicography* 26(2): 190-218.
- Yusof bin Mat. 1995. *Dictionary Use in the Teaching of English*. Fakulti Linguistik dan Bahasa Moden, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2004. Penggunaan kata ganti nama ‘dia’ dan ‘kita’ dalam pertuturan kanak-kanak Melayu: Satu analisis pragmatik. *Jurnal Dewan Bahasa* 4(1): 187.
- Zaitul Azma Zainon Hamzah & Normaliza Abd. Rahim, 2007. Penggunaan Gambar Dalam Pembelajaran Bahasa. Cendekia. Jabatan Bahasa Moden dan Komunikasi Universiti Putra Malaysia.

*Nurul Aminah binti Basharuddin  
Pelajar Ph.D.  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor  
MALAYSIA.  
E-mail: nourul\_am@yahoo.com*

*Hasnah binti Mohamad, Ph.D.  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM Serdang, Selangor  
MALAYSIA.  
E-mail: hasnah\_m@upm.edu.my*

